# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 8 JUN 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FINANCIAL RELIEF FOR AGRICULTURE, FOOD, COMMODITY SECTORS, NST -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 2. | DESTROYED FISHING BOATS TO BECOME ARTIFICIAL REEF, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3. | PEMINTA SEDEKAH DIDENDA RM25,000 SERET ANAK ANJING, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -34 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 4. | TIDAK PERNAH PUTUS ASA HASILKAN KUACI BERPERISA, WANITA & KELUARGA, BH -44 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 5.<br>6. | UDANG, IKAN MATI ANGKARA KILANG SAWIT CEMAR SUNGAI, LOKAL, HM -11<br>URBAN FARMING GUIDELINES SHOULD BE DEVELOPED, SAYS ZURAIDA, MALAY MAIL -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2020 | NST | ONLINE | |

## Financial relief for agriculture, food, commodity sectors [NSTTV]



KUALA LUMPUR: The government has set aside more than RM350 million under the RM35 billion Economic Recovery Plan (Penjana) to provide financial relief for agriculture and food players affected by the Movement Control Order.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government has allocated RM350 million in micro credit financing under 'Dana Agrofood' (Agrofood Fund) to ensure sustainability in the agricultural and commodity sectors.

"The government will also empower the agriculture workforce mobility through incentives provided for pioneer companies to train and educate workforce to explore opportunities in agriculture and plantations.

"In addition, urban farming workforce will be provided RM500 per person assistance and RM50,000 per community," the prime minister said in his speech at the unveiling of Penjana today.

To support the commodity sector, Muhyiddin said the government had agreed to give 100 export duty exemption from July 1 and Dec 31 this year to crude palm oil, crude palm kernel oil and refined bleached deodorised palm kernel oil players.

| Headline | Destroyed fishing boats to become artificial reef | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 08 Jun 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 9 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 90 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 273 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 818 |



# 銷毀漁船沉入海變人造暗礁



大马海事执法机构昨天在登嘉楼州停泊岛外6.9海浬处销毁2艘外国渔船。这些没有被公开招标的渔船，被销毁的方式是将它沉入海底成为人造暗礁（tukun tiruan），促进海洋资源多样性的发展。该机构邀请农业及食物工业部第二副部长拿督朱阿都拉鸣篇主持沉船仪式。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2020 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 34 |

# Peminta sedekah didenda RM25,000 seret anak anjing



Tertuduh (dua dari kanan) dikawal anggota dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk dihantar ke Penjara Pengkalan Chepa untuk menjalani hukuman penjara empat bulan kerana gagal menjelaskan denda.

**KOTA BHARU** - Seorang peminta sedekah didenda RM25,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku salah menganiaya haiwan dengan menjerut dan mengheret leher seekor anak anjing betina dengan tali.

Hukuman diputuskan Hakim Ahmad Bazli Bahruddin terhadap tertuduh, Ibrahim Hamat, 51.

Tertuduh bagaimanapun gagal menjelaskan denda itu dan perlu menjalani hukuman penjara selama empat bulan di Penjara Pengkalan Chepa.

Tertuduh yang berasal dari Kuala Krai mengaku salah atas pertuduhan dengan kejam menyebabkan kesakitan dan penderitaan terhadap seekor anjing betina di Jalan Dato Pati berhampiran stesen kereta sewa di sini pada jam 1.12 petang, 25 April lalu.

Kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta yang sama.

Hukuman denda diperuntukkan antara RM20,000 sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan, Mohd Sharif Sabran manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh merayu hukuman ringan namun Mohd Sharif memohon hukuman berbentuk pengajaran kerana mangsa melibatkan seekor anjing yang baharu berusia empat bulan.

Sebelum itu, rakaman kejadian kejadian tersebut tular di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia dan menerima kecaman daripada netizen.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2020 | BERITA HARIAN | WANITA & KELUARGA | 44 |

# Tidak pernah putus asa hasilkan kuaci berperisa





*Rafiza dan suami menunjukkan pelbagai perisa kuaci dihasilkan.*

**Tanah Merah:** 'Berpanas' lebih enam jam setiap hari di depan bara api untuk menyalut, menggoreng, mengayak dan mengeringkan kuaci tidak sia-sia apabila makanan ringan diusahakan wanita kental ini mampu di pasarkan di 900 kedai di seluruh negara.

Semangat usahawan, Rafiza Abd Rahim, 37, yang sebelum ini menjual nasi dan karipap di tepi jalan, terserlah apabila menempa kejayaan sebagai pengeluar kuaci pelbagai perasa.

Beliau yang sejak kecil sudah biasa melakukan pelbagai jenis pekerjaan bagi menampung hidup membuatkan lebih kreatif mencari sumber pendapatan.

"Habis sekolah, saya bermula dengan menjual karipap inti kuaci bagi mencipta kelainan dalam jualan karipap, namun berdepan masalah bekalan kuaci.

"Sejak itu, saya cari bekalan kuaci sendiri dan cuba jual kuaci salut tepung dengan pelbagai perasa, tak sangka tiga bulan pertama jualan cukup memberangsangkan hingga sekarang mampu dijual di seluruh Malaysia," katanya ketika ditemui di kilang kuaci miliknya di Padang Siam, di sini.

Rafliza dibantu suaminya, Ridhuan Abdul Aziz, 41, yang menjalankan tugas pemasaran.

Katanya, beliau mengeluarkan resipi berperisa asli, pedas dan kini ada BBQ, Tomyam, Cheese dan Nestum.

Perniagaan di bawah syarikat RIRAF Enterprise boleh didapati di 900 kedai seluruh Malaysia termasuk di Kuantan, Cameron Highlands, Kuala Lumpur, Johor dan Kota Bharu selain lebih 20 ejen dan stokis.

Ibu kepada empat anak ini juga berdepan kerugian puluhan ribu ringgit kerana pesaing yang meniru konsep pembuatan kuaci itu dan menjual dengan harga lebih murah.

Namun, beliau bertindak bijak apabila mengikuti pelbagai kelas bimbingan perniagaan bagi memantapkan kemahiran berniaga sehingga perniagaan kuaci rangup Rafliza kini sudah masuk tahun ke tiga beroperasi.

Rafliza turut menerima Anugerah Usahawan Muda Inovasi daripada kerajaan Negeri Kelantan pada 2019 dan Anugerah Usahawan Tani Peringkat Jajahan Tanah Merah pada tahun sama.

Katanya, bukan mudah menemukan resipi kuaci yang sesuai kerana keadaan bahan mentah kuaci yang mudah masuk angin dan cepat lemau.

"Sehari kami mampu mengeluarkan 120 kilogram (kg) kuaci tidak boleh terdedah kepada kipas atau udara luar, jadi esoknya kami terus bungkus dan siap dihantar kepada pelanggan," katanya.

Setiap resipi makan masa berminggu-minggu untuk mendapatkan kerangupannya.

Beliau berterima kasih kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kerana membantunya 'memanjangkan' hayat kuaci mereka daripada tempoh luput hanya tiga bulan kini mampu bertahan sehingga satu tahun.

Selain kuaci rangup, beliau juga turut membuat popia dan kuih karipap inti kuaci bersama sambal ikan sebagai pendapatan keluarga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2020 | BERITA HARIAN | LOKAL | 11 |

# Udang, ikan mati angkara kilang sawit cemar sungai

**Kluang:** Sebuah kilang kelapa sawit dipercayai menjadi penyumbang kepada pencemaran air di Sungai Sembrong pada 1 Jun lalu sehingga menyebabkan ribuan ikan dan udang galah mati.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Johor Dr Mohd Famey Yusoff berkata, hasil siasatan mendapati kilang terbabit melanggar syarat yang dikeluarkan oleh pihaknya.

"Pemeriksaan yang dilakukan ke atas kilang berkenaan menemui kesan air larian daripada sistem *furrow* dialirkan ke Sungai Sembrong sehingga menyebabkan ia tercemar dan hidupan sungai mati.

"Diharapkan tindakan penggantungan lesen ke atas kilang berkenaan akan memberikan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengusaha agar tidak melakukan kesalahan serupa pada masa akan datang," katanya.

Pada 2 Jun lalu, akhbar ini melaporkan ribuan ikan dan udang galah mati selepas air sungai dicemari dengan aliran minyak dari bahagian hulu Sungai Sembrong.

Berikutan kejadian itu, nelayan darat di Kampung Orang Asli Kuala Sengka, Air Pasir, Sedohok dan Sungai Peroh terjejas teruk berikutan hilang punca pendapatan.

*Pemeriksaan yang dilakukan ke atas kilang berkenaan menemui kesan air larian daripada sistem furrow' dialirkan ke Sungai Sembrong sehingga menyebabkan ia tercemar dan hidupan sungai mati"*

***Dr Mohd Famey Yusoff***



KAKITANGAN Jabatan Perikanan Negeri Johor membuat siasatan di Sungai Sembrong yang dilaporkan tercemar pada 1 Jun lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Urban farming guidelines should be developed, says Zuraida



Zuraida Kamaruddin said clear guidelines should be developed specifically for urban farming activities. — Picture by KE Ooi

KUALA LUMPUR, June 6 — Clear guidelines should be developed specifically for urban farming activities, Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said.

She said it was important to lay the guidelines to ensure that urban farming are conducted according to agricultural quality standards.

"Urban farming is a laudable effort in achieving community empowerment under the National Community Policy, as the ideas are contributed by people in the area who want to see green infrastructure incorporated in the cities," she said in a statement today following a visit to Kebun-Kebun Bangsar community garden earlier today, to check on urban farm models.

She said new urban farming models should be widely introduced to make them more productive thus promoting environmentally sustainable agriculture.

In the meantime, she said educational and environmental sustainability programmes optimising existing resources should be implemented to contribute to food security, adding that such programmes were to consider community and non-governmental organisations (NGOs) participation.

In another development Zuraida took the opportunity to visit the widow of Mohamed Zaili Mohamed, the food deliveryman who was killed in an accident involving a drunk driver on June 1.

In conveying her sympathies to Zahlawatti Dahlan at her home at Riverdale, Bukit Antarabangsa here today, Zuraida gave a donation to ease Zahlawatti's burden in supporting her five children aged between six and 15. — Bernama